



23 APR, 2025

## Peraturan keselamatan elektrik, gas: Sabah dan Sarawak meterai MoU

Harian Ekspres (KK), Malaysia



# Peraturan keselamatan elektrik, gas: Sabah dan Sarawak meterai MoU

**Larry Ralon**

KOTA KINABALU: Pelbagai inisiatif telah diambil oleh Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS) bagi pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat Sabah, khususnya dalam sektor tenaga.

Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor berkata ini termasuklah pelancaran Label Keselamatan ECoS-SIRIM versi terkini.

Beliau menyifatkan inisiatif ini adalah satu langkah proaktif ECoS untuk melindungi kepentingan pengguna termasuk memastikan hanya peralatan elektrik dan gas yang selamat serta berkualiti tinggi akan dipasarkan di negeri ini.

Menurutnya, pelancaran label ini juga membawa kepada program penting yang berkaitan iaitu Memorandum Persefahaman (MoU) diantara ECoS dan Kerajaan Sarawak menerusi Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi (MUT) Sarawak.

Katanya, kerjasama strategik ini sangat penting dan menzahirkan pengiktirafan bersama terhadap keselamatan peralatan elektrik dan gas serta menekankan peranan ECoS dalam memastikan produk yang digunakan oleh rakyat memenuhi piawaian tertinggi.

"Ianya juga menunjukkan satu lagi bidang kerjasama untuk manfaat bersama hasil pertalian erat yang sedia terjalin di antara Sabah dan Sarawak melalui kedua-dua badan berkuasa pengawalselia masing-masing.

"Saya yakin dengan temetrinya MoU ini, akan memperluaskan pasaran produk-produk yang berkualiti dan diiktiraf bagi kemudahan pengguna dan peniaga kedua-dua negeri," katanya pada Majlis Pertukaran MoU di antara ECoS dan Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi (MUT) Sarawak serta Pelancaran Label

ECoS/Sirim dan Pelancaran Program TVET Angkat ECoS sempena Majlis Ramah Mesra Aidilfitri ECoS di Pusat Konvensyen Antarabangsa (SICC) pada Selasa.

Ketua Menteri mengingatkan orang ramai agar mengutamakan keselamatan elektrik dan gas serta memberi perhatian serius terhadap isu keselamatan barang pengguna terutamanya barang yang berisiko tinggi.

Katanya, dengan lambakan pelbagai barang daripada luar negara yang masuk ke negara ini, termasuk Sabah akan memberi faedah kepada pengguna daripada segi kepelbagaiannya pilihan dan harga yang ditawarkan.

Bagaimanapun, aspek keselamatan barang perlu diberi perhatian serius oleh pihak berkaitan.

"Sebagai kerajaan, kita komited dan serius dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat, saya mahu pihak bertanggungjawab sentiasa berusaha memperkuuhkan perlindungan pengguna khususnya dalam aspek keselamatan barang pengguna.

"Kerajaan negeri menyokong dan amat mengalu-alukan usaha yang diamalkan oleh ECoS bersama kerajaan Sarawak dalam aspek keselamatan peralatan elektrik dan gas di kedua-dua negeri," tambah Hajiji.

Ketua Menteri itu optimis penubuhan ECoS telah membuka lembaran baharu dalam pengurusan sektor tenaga di Sabah.

Katanya, dengan kuasa pengawalseliaan yang telah dimandatkan melalui lunas undang-undang, ECoS perlu terus komited untuk memastikan pembangunan sektor tenaga yang teratur dan cekap, yang akan menyokong pembangunan ekonomi Sabah serta memberi manfaat langsung kepada rakyat.